

Tiga negara kaji data penilaian semula sebelum sambung operasi

KUALA LUMPUR: Malaysia, Australia dan China akan mengkaji data penilaian semula kawasan pencarian MH370, merangkumi keluasan 25,000 kilometer persegi sebelum membuat keputusan menyambung operasi.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata matlamat utama tiga negara kini adalah memastikan ketepatan data teknikal kawasan pencarian baharu yang dikemukakan pakar dari Australia.

Beliau berkata, pencarian diharap berupaya dilaksanakan di kawasan lebih terperinci, merangkumi 5,000 kilometer persegi yang terletak di pinggir utara, selatan Lautan Hindi berbanding zon operasi sebelum ini.

"Operasi pencarian MH370 akan disambung semula, seawal-awalnya Januari 2018 jika Australia, Malaysia dan China berpuas hati dengan semua terma perjanjian dikemukakan Ocean Infinity. "Kita memperuntukkan dua syarat, iaitu data penilaian semula oleh pakar dari Australia perlu tepat dan terma perjanjian dikemukakan syarikat Ocean Infinity memihak kepada ketiga-tiga negara," katanya, semalam.

Terdahulu, beliau hadir menyempurnakan majlis penyerahan cek replika bernilai RM40,000 kepada 40 wakil waris kru penerbangan MH370 dan MH17, di sini.

Dana pendidikan berjumlah RM1.6 juta itu hasil sumbangan Eu Yan Sang, Genting Malaysia Bhd, Hap Seng Plantations dan Kuala Lumpur Kepong Berhad.

Yang turut hadir, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan Ketua Pengarah Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM), Datuk Seri Azharuddin Abdul Rahman.

Tiong Lai menegaskan, Malaysia, Australia dan China bertekad hanya akan setuju melantik Ocean Infinity bagi mengendalikan operasi pencarian semula MH370 jika terma 'no find, no fee' dipersetujui syarikat berkenaan.

"Setakat ini, empat pertemuan sudah diadakan dengan Ocean Infinity, sejak September lalu untuk berunding syarat menyambung operasi pencarian MH370 di perairan Australia," katanya.

Dalam perkembangan MH17, Tiong Lai berkata, Pasukan Penyiasatan Bersama (JIT) membabitkan lima negara ketika ini dalam fasa menyiapkan siasatan jenayah nahas berkenaan yang dijangka dimuktamadkan awal tahun depan.

Pasca memuktamadkan siasatan jenayah itu, beliau berkata, kes MH17 akan dibawa ke Mahkamah Belanda untuk dibicarakan bagi menentukan hukuman terhadap dalang jenayah antarabangsa terbabit.

Mengulas mengenai majlis penyerahan dana pendidikan itu, Pengerusi Persatuan Kebajikan Pendidikan Asas Kuala Lumpur dan Selangor, Datuk Anne Eu, berkata dana untuk menampung perbelanjaan pendidikan waris mangsa itu akan diuruskan CIMB

Bank Berhad.

SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 3 | 2 NOVEMBER 2017